

02/11/1998

Pendidikan multimedia mampu diselaras

Rusnita Pechok

PENUBUHAN Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dijangka dapat menyelaraskan pelbagai usaha Kementerian Pendidikan dari segi penerapan pendidikan baru dalam ilmu pendidikan multimedia.

Timbalan Menterinya, Datuk Khalid Yunus, berkata langkah itu adalah tepat pada masanya dan bersesuaian dengan beban kerja serta tanggungjawab pihak kerajaan terutamanya dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut beliau, penubuhan kementerian itu turut memberi kesan yang amat besar dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 yang berteraskan pelbagai disiplin teknologi maklumat (IT).

Katanya, dengan pengkhususan kementerian itu membolehkan masyarakat mengikuti perkembangan terkini IT sejajar dengan perkembangan IT itu sendiri.

Menurut Khalid, dengan pengkhususan kementerian berkaitan multimedia itu juga membolehkan pelbagai kaedah terkini dalam bidang pendidikan, seperti penggunaan persidangan video sebagaimana dilakukan di Majlis Penutupan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan baru-baru ini.

"Kemudahan seperti itu boleh mewujudkan suasana interaksi yang rapat antara peserta dan perkembangan ilmu dapat dipertingkatkan dengan lebih aktif," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Pertandingan Akhir Genderang Sekolah-Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur kelmarin.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Datin Hazimah Abd Rahman dan Ketua Sektor Perkembangan Pengurusan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Sahban Muksan.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan penukaran nama Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Menyentuh mengenai pembabitan pelajar dalam gerakan reformasi, beliau mengulangi bahawa kementerianya tidak teragak-agak mengambil langkah sewajarnya mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU).

Beliau menasihatkan supaya pelajar dari semua peringkat tidak menisaiakan masa depan mereka dengan aktiviti yang tidak sepatutnya.

Terdahulu ketika merasmikan pertandingan akhir genderang itu, beliau berkata penonjolan bakat bermain muzik adalah sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan menyerlahkan potensi pelajar secara menyeluruh dalam pelbagai bidang.

Kataya, pelajaran muzik adalah satu medium untuk merenggangkan diri pelajar daripada tertekan akibat bebanan mata pelajaran lain di sekolah.

Acara tahunan anjuran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan itu dimenangi peserta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kuen Cheng (2); tempat kedua ialah SJKC Tsun Jin dan tempat ketiga SJKC Kuen Cheng (1).

(END)